

Kesan Penurunan Harga Minyak Terhadap Harga Pengguna

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Kejatuhan harga minyak mentah dunia semenjak pertengahan tahun lepas tidak dapat dinafikan memberi keseronokan kepada para pengguna diseluruh negara. Ianya datang tatkala pengguna masih berduka meghadapi kenaikan harga minyak petrol dan disel kesan dari rationalisasi subsidi oleh kerajaan yang perlu walaupun ianya memeritkan pengguna. Subsidi bukanlah merupakan kaedah terbaik untuk mengagihkan faedah sosial di dalam sesebuah ekonomi. Di dalam situasi subsidi harga minyak, pengagihan kekayaan negara tidak dimanfaatkan secara maksimum. Kekayaan negara yang diagihkan kepada pengguna keseluruhannya adalah lebih baik jika di dimanfaatkan dengan cara lain yang mampu memberi pulangan jangka panjang yang lebih baik kepada masyarakat. Contohnya, hasil kerajaan yang disalurkan kepada pengguna melalui subsidi dilaburkan untuk pembangunan sosio-ekonomi jangka panjang seperti di dalam bidang pendidikan atau kesihatan.

Jadi rata-rata masyarakat umum telah akur terhadap realiti ekonomi ini dengan menerima hakikat bahawa harga minyak adalah diluar kawalan kita. Ianya ditentukan oleh permintaan dan penawaran di seluruh dunia. Pengguna terpaksa membuat perubahan yang perlu terhadap tabiat penggunaan mereka.

Penurunan harga minyak mentah juga memberi kesan negatif kepada hasil kerajaan. Namun demikian, kesan penurunan harga produk-produk petroleum diharap mampu mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan perbelanjaan pengguna. Kesan akhir dijangka mampu menjana pertumbuhan positif ekonomi. Namun demikian, diketahui umum bahawa penurunan kos pengeluaran hasil dari penurunan produk

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

petroleum tidak sepenuhnya dimanfaatkan oleh pengguna. Sebaliknya setiap kali kenaikan harga produk petroleum akan di bebaskan kepada pengguna dengan kenaikan harga produk-produk akhir, dengan alasan kenaikan kos pengeluaran. Kita lihat pada episod penurunan harga minyak kali ini, kerajaan telah mengadakan kempen demi kempen untuk menurunkan harga produk dan perkhidmatan akhir kepada pengguna. Persoalannya, apakah yang berlaku menyebabkan penurunan harga minyak tidak memberi kesan terhadap harga barangan dan perkhidmatan akhir kepada pengguna?

Penurunan harga produk petroleum dijangka mampu menurunkan harga barangan dan perkhidmatan melalui dua saluran. Pertama, melalui penurunan kos pengeluaran secara langsung. Maka margin untung kepada pengeluar akan meningkat. Biasanya untuk memelihara bahagian pasaran, pengeluar akan mengekalkan margin untung dengan menurunkan harga akhir. Sebaliknya, pengeluar akan mendapat untung yang lebih tanpa mengurangkan harga akhir. Namun demikian, margin untung yang tinggi akan menggalakan pengusaha baru memasuki pasaran dan menambahkan penawaran, seterusnya menurunkan harga akhir. Kesudahannya, harga akhir barangan dan perkhidmatan akan turun untuk kedua-dua situasi.

Kedua, harga barangan dan perkhidmatan akhir akan menurun melalui penurunan kos pengedaran. Penurunan harga produk petroleum, terutamanya bahan api, akan mengurangkan kos disetiap peringkat rangkaian bekalan. Di dalam sebuah ekonomi yang cekap, pengurangan kos dari pengeluar dan pengedar akan di hantar terus kepada pengguna. Kesannya, setiap penurunan harga didalam proses pengeluaran dan pengagihan akan di realisasikan sepenuhnya oleh pengguna. Sepatutnya mekanisme harga pasaran ini akan berlaku secara tersendiri tanpa campurtangan kerajaan.

Di dalam konteks Malaysia, kita dapati rata-ratanya harga barangan atau perkhidmatan akhir tidak turun sepenuhnya hasil dari penurunan kos pengeluaran atau pengagihan. Kita juga telah biasa dengan campur tangan kerajaan untuk menentukan harga di dalam pasaran. Tanpa lain-lain faktor, maka kita boleh membuat andaian umum bahawa terdapat ketidakcekapan di dalam ekonomi. Isyarat harga gagal untuk

mempengaruhi pasaran. Persoalannya, dimanakah ketidakcekapan di dalam ekonomi dan apakah bentuk campurtangan kerajaan yang boleh memberi pulangan optima kepada ekonomi?

Perlu diingat bahawa kegagalan penurunan harga akhir hasil dari pengurangan kos penawaran bukanlah satu fenomena spesifik kepada Malaysia. Malahan, ianya berlaku dimana-mana ekonomi pasaran bebas, apatah lagi bagi ekonomi terancang secara pusat. Fenomena ini disebut “kelekatan harga ke bawah”, iaitu penurunan kos tidak dikecapi pengguna. Ketidakcekapan begini berlaku di kebanyakan ekonomi dunia, termasuk di Amerika Syarikat. Oleh sebab itu, Amerika Syarikat mempunyai undang-undang untuk menggalakan persaingan bebas yang di panggil undang-undang *antitrust*, seperti *Sherman Act* 1890 dan *Clayton Act* 1914.

Jelasnya, kemungkinan besar penurunan harga untuk barangan dan perkhidmatan akhir tidak akan berlaku secara semula jadi kesan dari penurunan kos pengeluaran, terutama untuk jangka masa pendek. Terdapat ketidakcekapan di dalam ekonomi yang perlu di tangani untuk mencipta persekitaran persaingan bebas yang boleh dicapai melalui campurtangan kerajaan yang minimum, dengan mewujudkan dan melaksanakan undang-undang yang sesuai.

Usaha menetapkan harga runcit dan memantaunya, walaupun mungkin efektif, cuma sesuai untuk pendekatan jangka pendek. Ianya mempunyai kesan sampingan dari segi penurunan kualiti produk secara keseluruhan. Disamping itu usaha memantau harga oleh agensi-agensi berkepentingan juga melibatkan kos yang tinggi. Kos pemantauan yang ditanggung oleh kerajaan ini akan dirasai oleh orang awam lama-kelamaan umpamanya di dalam bentuk pengurangan peruntukan pembangunan.

Secara keseluruhannya, kita perlu sedar tentang kepentingan mewujudkan ekonomi pasaran bebas untuk mencapai status negara maju. Ini boleh dicapai dengan mengatasi segala ketidakcekapan di dalam ekonomi. Justeru itu, usaha kerajaan perlu tertumpu kepada usaha membentasi ketidakcekapan di dalam ekonomi. Harga di dalam ekonomi perlu ditentukan sepenuhnya oleh daya pasaran. Masyarakat umum perlu memahami hakikat ini.